

06 SEP 2000

Mahathir-Kemuncak/I

PENDEKATAN LEBIH BAIK DIPERLUKAN UNTUK SIDANG KEMUNCAK G-77

Oleh: Salmy Hashim

BANGSA-BANGSA BERSATU, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin negara membangun perlu menggunakan pendekatan lebih berkesan bagi sidang kemuncak G-77 akan datang, agar suara mereka boleh didengar dengan jelas oleh masyarakat antarabangsa.

Beliau berkata pada masa ini tidak mungkin diadakan pertemuan ketua G-77 dengan cara sebagaimana yang dilakukan oleh G-8 (Kumpulan negara maju), menyebabkan mesyuarat mereka tidak berkesan dan kelewatan dalam proses membuat keputusan.

"Kita perlu memikirkan bagaimana pemimpin-pemimpin tersebut boleh bermesyuarat, jika tidak kita hanya akan bermesyuarat lima tahun sekali, dan dalam tempoh lima tahun itu apa saja boleh berlaku," katanya pada hari Selasa selepas menghadiri sidang kemuncak khas G-77 yang diadakan secara tergepar.

Bagaimanapun hanya empat daripada 133 ketua kerajaan hadir pada mesyuarat itu, yang dipengerusikan oleh Presiden Olusegun Obasanjo dari Nigeria.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa para pemimpin tersebut diberitahu dalam tempoh yang singkat, dan ramai daripada mereka mempunyai urusan lain atau baru sahaja tiba dan tidak dapat menghadiri mesyuarat itu.

Seorang anggota perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu berkata, perdebatan hangat berlaku pada mesyuarat itu apabila seorang pegawai kanan yang mewakili Pakistan menyatakan mesyuarat itu tidak seharusnya dianggap sebagai "sidang kemuncak," tetapi hanya taklimat kerana apa sahaja keputusan yang dibuat perlu dirujuk kepada ketua kerajaan masing-masing.

Obasanjo yang mempengerusikan mesyuarat itu, membidas pegawai kanan Pakistan itu dan bertanya kepadanya mengapa beliau hadir jika beliau berpendapat mesyuarat itu tidak penting.

Dr Mahathir yang menjadi anggota sebuah jawatankuasa lima ketua negara/kerajaan yang terdiri daripada Nigeria, Algeria, Jamaica, Malaysia dan Afrika Selatan, menghadiri mesyuarat itu untuk memberi taklimat kepada anggota tentang usaha mewujudkan Suruhanjaya Penyelarasan Selatan, dan usaha menggerakkan semula Pusat Selatan di Geneva.

Dr Mahathir berkata Pusat Selatan, yang pada masa ini dimanfaatkan oleh 46 anggota asal G-77, perlu dibuka kepada anggota lain dan dijadikan mekanisme kukuh, yang boleh mengenakan tekanan secara yang berkesan terhadap badan dunia yang lain.

"Kita perlu bertindak secara tegas untuk menggariskan masa depan yang lebih baik bagi negara dan rakyat kita, dan berusaha ke arah menubuhkan sistem ekonomi antarabangsa yang adil dan demokratik," katanya.

Beliau mengingatkan bahawa banyak negara membangun terdedah kepada masalah kewangan yang serius berikutan ketidakstabilan sistem kewangan, yang timbul akibat aliran modal jangka pendek yang tidak terkawal.

Pusat Selatan, dengan mempunyai dana yang cukup dan kakitangan yang sesuai, boleh melakukan penyelidikan dan menyumbang idea ke arah pembaharuan sistem kewangan antarabangsa, katanya semasa berucap pada mesyuarat itu.

Mesyuarat Selasa itu bersetuju untuk melanjutkan mandat jawatankuasa lima anggota itu supaya meneruskan kerjanya melepasi tempoh akhir bulan ini.

Terdahulu, Dr Mahathir menemui Presiden Cuba Fidel Castro di pejabat Perwakilan Tetap Cuba di sini. Perdana Menteri tiba di New York pada hari Selasa, selepas menghadiri siri mesyuarat perniagaan di Chicago sejak Jumaat lepas.

-- BERNAMA

SH AHH RI NMO

